

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 29/9/2013

Muka surat: 14

Tajuk : S'wak Berjaya Bida Penganjuran STEMfest Di UNIMAS.

S'wak berjaya bida penganjuran STEMfest 2013 di UNIMAS

KUCHING: Sarawak berjaya membida penganjuran Festival Antarabangsa Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEMFest) 2013 yang akan berlangsung dari 27 September hingga 10 Oktober di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Promosi Pendidikan Teknikal) Datu Len Talif Salleh berkata, program julung kalinya di Sarawak itu bakal menyaksikan penyertaan lebih 300 delegasi antarabangsa dari 40 negara.

Malah, katanya, UNIMAS selaku rakan penganjur kepada STEM States Incorporated akan turut menghantar lebih 200 kakitangan dan pelajar UNIMAS untuk menghadiri acara-acara persidangan yang akan dilangsungkan sepanjang STEMfest 2013.

"Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS), Jabatan Pendidikan Negeri dan Yayasan Sarawak akan menghantar 450 pengajar bagi menghadiri tujuh acara persidangan STEMfest yang akan diadakan.

"Antaranya, ICASE Borneo World Conference on Science and Technology Education (WorldSTE2013), WorldHybrid Technology and Energy

Conference (WorldHybrid), World Conference on Safety in Science, Industry and Education 2013 (WorldSafety), International Conference on Transnational Collaboration in STEAM Education 2013, International Union of Forest Research Organisation Specialist Conference, Borneo International Investment Conference dan International Conference of STEM States.

"Menerusi penyertaan tenaga pengajar kita dalam persidangan ini, kita berharap ia akan dapat membangunkan lagi tenaga kerja teknikal di negeri ini bagi memenuhi keperluan di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)," ujarnya pada sidang media STEMfest 2013 Malaysia di Tingkat 20, Bangunan Wisma Sumber Alam di sini, kelmarin.

Turut hadir pada sidang media itu, pengerusi penganjur Scott Campbell dan pengerusi bersama Prof Dr Peter Songan yang juga Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UNIMAS.

Dalam pada itu, sempena dengan STEMfest 2013, dua fakulti terkemuka UNIMAS iaitu Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Sains akan menganjurkan hari terbuka untuk menggalakkan lebih ramai

pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Antara aktiviti pada hari terbuka tersebut ialah pameran poster hasil kerja pelajar UNIMAS, ceramah oleh pengajar STEM dari pelbagai negara, gerai jualan makanan, pameran pendidikan serta peluang menyaksikan pameran STEMfest serta berjumpa dengan profesional terkemuka dari seluruh dunia.

Hari terbuka dua hari itu akan berlangsung pada 30 September dari jam 10 pagi hingga 4 petang di Pusat Konvensyen DeTAR Putra UNIMAS dan 1 Oktober 2013 di lokasi dan pada waktu yang sama.

STEMfest 2013 dijadual dirasmikan oleh Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud pada 30 September, jam 2.30 petang di DeTAR Putra.

Sejurus itu, Forum Naib Canselor dan Presiden akan diadakan sebagai sebahagian daripada persidangan WorldSTE termasuk naib canselor dari universiti di Australia, Amerika Syarikat, Nigeria dan Malaysia.

Pada sebelah malam 1 Oktober pula, akan diadakan Jamuan Malam Gala STEMfest dan malam anugerah di sebuah hotel terkemuka di sini.